



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR

11 APRIL 2017 (SELASA)

PELANCARAN PUSAT KAWALAN ALAM SEKITAR NASIONAL
National Environmental Command Centre (NECC)

1. Program pengawasan kualiti alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah bermula sejak tahun 1970-an. Bermula tahun 1995, program ini dilaksanakan melalui Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership – PPP*) dengan pelantikan syarikat konsesi bagi tujuan mengukuhkan program pengawasan, persampelan dan analisa kualiti udara dan air sungai di stesen-stesen terpilih di seluruh Malaysia.
2. Mulai 14 April 2017, program pengawasan kualiti alam sekitar ditambah baik selaras dengan perkembangan semasa. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah merangkumi:
 - a. penambahan bilangan parameter pencemar udara dan air sungai;
 - b. penambahan bilangan stesen pengawasan di seluruh Malaysia;

- c. penambahan program pengawasan kualiti air marin;
- d. penubuhan Pusat Data Alam Sekitar (*Environmental Data Center*);
dan
- e. penubuhan pasukan bertindak segera bagi pencemaran udara, air sungai dan air marin.

3. Data-data pengawasan alam sekitar ini amat penting untuk membantu agensi-agensi utama seperti JAS, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Data-data pengawasan ini akan menjadi penunjuk atau indikator kepada agensi-agensi ini untuk melaksanakan tindakan-tindakan segera seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

4. Oleh sebab itu, data-data pengawasan ini akan diselaraskan di Pusat Data Alam Sekitar (EDC) di Aras 4, Ibupejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya yang akan dikenali sebagai **Pusat Kawalan Alam Sekitar Nasional (*National Environmental Command Centre- NECC*)**. NECC ini akan bertindak sebagai pusat tindakan yang cekap dan berkesan dalam mengurus, memproses dan menyalurkan data secara *online* dan *realtime* kepada JAS dan jabatan atau agensi kerajaan yang lain termasuk kepada orang awam.

5. Selain itu, maklumat dan data pengawasan kualiti alam sekitar akan membantu proses perancangan dan penilaian projek pembangunan baru serta kawalan pencemaran melalui program penguatkuasaan JAS. Penterjemahan data dan maklumat kualiti air dapat membantu dalam memberi gambaran tentang status kualiti air semasa dan keupayaan sesuatu badan air untuk menerima beban pencemar baru. Ia juga mengukur keberkesanan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAS ke atas premis-premis yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

6. Program pengawasan kualiti alam sekitar melalui stesen pengawasan automatik juga adalah sebagai mekanisme amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti episod jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan haram buangan toksik dan berbahaya. Amaran awal bagi mengesan pencemaran adalah bagi tindakan segera untuk tindakan pembedahan agar sumber persekitaran dapat dilindungi. Contohnya, penempatan sistem pengawasan kualiti air secara automatik ini amat perlu untuk mengesan pencemaran khususnya di hulu takat pengambilan air bagi loji rawatan air mentah untuk kegunaan domestik.

7. Sistem pengawasan automatik ini juga mampu mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan JAS dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk bertindak dengan pantas supaya tidak menjejaskan kepentingan awam.

8. Perjanjian konsesi antara Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan syarikat konsesi Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW) telah ditandatangani pada 15 Jun 2016 dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada 14 April 2017 mengikut komponen seperti berikut:

a. Komponen Udara:

- i. Pemasangan 65 buah stesen *Continuous Air Quality Monitoring* (CAQM) iaitu pertambahan sebanyak 13 buah stesen (berbanding 52 buah stesen sebelumnya) dengan pengukuran sebanyak 13 parameter (9 parameter pencemar, 4 parameter *meteorology*) yang turut merangkumi parameter PM_{2.5} (berbanding 10 parameter yang diukur sebelumnya);
- ii. Pemasangan 14 buah stesen *Manual Air Quality Monitoring* (MAQM) dengan pengukuran sebanyak 11 parameter (berbanding 10 parameter yang diukur sebelumnya); dan
- iii. Penyediaan *Mobile Continuous Air Quality Monitoring* (MCAQM) bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan udara ketika jerebu atau pencemaran industri dengan pengukuran sebanyak 13 parameter.

b. Komponen Air Sungai

- i. Pemasangan 30 buah stesen *Continuous River Water Quality Monitoring* (CRWQM) iaitu pertambahan sebanyak 20 buah stesen (berbanding 10 buah stesen sebelumnya) dengan pengukuran sebanyak 18 parameter (berbanding 6 parameter yang diukur sebelumnya);
- ii. Pemasangan 1353 buah stesen *Manual River Water Quality Monitoring* (MRWQM) (berbanding 837 buah stesen sebelumnya) dengan pengukuran sebanyak 75 parameter (berbanding 35 parameter yang diukur sebelumnya); dan
- iii. Akan turut melibatkan *investigative sampling* bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan terhadap pencemaran air sungai.

c. Komponen Air Marin

- i. Merupakan komponen baru yang mana sebelum ini hanya dijalankan oleh JAS;
- ii. Pemasangan 388 buah stesen *Manual Marine Water Quality Monitoring* (MMWQA) dengan pengukuran sebanyak 29 parameter;

- iii. Pemasangan 10 buah stesen *Continuous Marine Water Quality Monitoring* (CMWQM) dengan pengukuran sebanyak 22 parameter; dan
- iv. Akan turut melibatkan *investigative sampling* bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan terhadap pencemaran marin.

9. Pada hari ini, Pusat Kawalan Alam Sekitar Nasional (NECC) yang bertempat di ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya telah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
11 APRIL 2017**